

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
(1) إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾
(2)

(Surah al-Hujurat : Ayat 13)

Ayat di atas menjelaskan tentang kepelbagaian bangsa dalam Islam.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa. (2 markah)



Rajah 1 : Keharmonian kepelbagaian kaum di Malaysia

- (iii) Berdasarkan rajah 1, cadangkan cara mewujudkan suasana tersebut di sekolah. Jelaskan jawapan anda. (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَأَنْ يَحْتَتِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ
أَوْ يَمْنَعَهُ

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari.
Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah maksud berdikari? (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** konsep berdikari. (4 markah)

“Pelajar, belajar berdikari jangan malas”

PETALING JAYA – Tidak dinafikan ramai yang terkesan dengan kos sara hidup yang semakin ‘menggila’ termasuk pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Sumber : KOSMO! 21 September 2022

Rajah 2 : Keratan akhbar

(iii) Berdasarkan rajah 2, cadangkan tindakan yang sepatutnya pelajar tersebut lakukan. (4 markah)

(c) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah di bawah : (2 markah)

(1) اَلَمْ

(2) يَسَّ

- 2 (a) (i) Jelaskan takrif ajaran sesat. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **empat** ciri ajaran sesat. (4 markah)

Bil.	Faktor	A1	A2	A3	A4	A5	A6	A7	A8	A9	A10
1.	Kurang ilmu dan kejahilan	/	/					/		/	/
2.	Menyeleweng tafsiran		/			/	/			/	
3.	Taksub	/	/								
4.	Mencari jalan singkat dan mudah							/		/	
5.	Keliru			/				/		/	
6.	Pengaruh falsafah pemikiran luar yang sekular					/				/	

Jadual 1 : Carta faktor berlakunya ajaran sesat


Petunjuk:

A1-A10: Artikel Akhbar

Sumber: Kamarul Azmi Jasmi Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia

- (iii) Bincangkan faktor-faktor berlakunya ajaran sesat berdasarkan jadual di atas. (4 markah)
- (b) (i) Jelaskan secara ringkas sejarah aliran Khawarij. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. (4 markah)
- (iii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan aliran Khawarij dalam isu berikut:
- Pelaku dosa besar.
 - Kedudukan iman. (4 markah)

- 3 (a) (i) Jelaskan maksud akad dalam muamalat Islam. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** rukun akad dalam muamalat Islam. (2 markah)



Rajah 3 : Penipuan dalam kewangan

- (iii) Berdasarkan rajah 3, huraikan kesan isu di atas terhadap masyarakat. (4 markah)
- (b) (i) Jelaskan maksud talak. (2 markah)
- (ii) Jelaskan salah **satu** daripada jenis talak berikut : (2 markah)
- Talak Rajie.
 - Talak Bain.
- (iii) Nyatakan hukum talak bagi situasi berikut : (2 markah)
- Seorang suami telah menceraikan isterinya tanpa apa-apa sebab.
 - Seorang isteri diceraikan dalam keadaan haid.
- (c) (i) Apakah maksud faraid? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** jenis waris tersebut : (4 markah)
- Ashabul Furud
 - Asobah

- 4 (a) (i) Senaraikan **tiga** fakta sejarah kerajaan Abbasiyah. (3 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah. (4 markah)

- | |
|--|
| a) Imam Malik ra.
b) Imam Abu Hanifah ra. |
|--|

Pilih salah **satu** daripada tokoh di atas dan jawab soalan berikut :

- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup beliau. (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan tokoh tersebut. (4 markah)
- (c) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup tokoh Ahmad bin Ibrahim. (3 markah)

Ahmad bin Ibrahim banyak menghasilkan karya dalam bidang perundangan Islam seperti menghasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.
--

Rajah 4 : Sumbangan Ahmad bin Ibrahim

- (ii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mencontohi kehebatan tokoh di atas? (4 markah)

- 5 (a) (i) Jelaskan **dua** adab terhadap orang sakit. (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. (4 markah)
- (b) (i) Apakah maksud wasatiyyah? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** aspek keseimbangan dalam prinsip wasatiyyah. (2 markah)

Firman Allah SWT :

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari seksa neraka".

(Surah al-Baqarah: 201)

Rajah 5 : Tafsir al-Quran

- (iii) Berdasarkan rajah 5, bagaimana anda mengaplikasikannya untuk menjadi murid yang berjaya dalam kehidupan? Huraikan. (4 markah)
- (c) (i) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. (2 markah)

KUALA LUMPUR: Kejadian pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor, dipercayai berpunca pembuangan sisa toksik yang ditanam di dalam tanah. Profesor Kejuruteraan Kimia, Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud, berkata, saluran air bawah tanah di daerah itu berkemungkinan sudah tepu dengan sisa toksik yang meruap sebelum meresap melalui tanah naik ke permukaan sehingga membentuk gas toksik.

Sumber : Berita Harian 3 Julai 2019

Rajah 6 : Keratan akhbar

- (ii) Berdasarkan rajah 6, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi di atas tidak dibendung. (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT